

**Integriti politik wujud bila rakyat percaya keputusan pilihan raya, kata Paul Low**  
**Malaysian Insider**  
**5 Mac, 2014**  
**Oleh Md Izwan**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low Seng Kuan menegaskan integriti politik hanya akan wujud apabila rakyat mempercayai dan menerima keputusan pilihan raya yang diadakan.

Bagi memastikan pilihan raya mendapat kepercayaan rakyat, Low berkata ia mestilah diadakan dengan bebas dan adil.

"Integriti politik hanya boleh wujud apabila rakyat mempercayai keputusan pilihan raya," kata Low semasa berucap pada majlis penutup sidang Corporate Governance Summit di Kuala Lumpur hari ini.

"Oleh demikian, integriti politik bergantung kepada sistem pilihan raya di mana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mesti bebas sepenuhnya daripada pengaruh parti politik.

"Ia bagi memastikan sebuah pilihan raya yang bebas dan adil," kata Low.

Selepas berakhir Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) tahun lalu, badan pengendali pilihan raya negara SPR menerima kritikan hebat dan dituduh berat sebelah kepada kerajaan pemerintah Barisan Nasional (BN).

Kes-kes seperti pemberian wang untuk membeli undi dilaporkan secara meluas berlaku di kawasan pilihan raya, isu pengundi hantu, dakwat tidak kekal dan banyak lagi aduan.

Low berkata, pilihan raya juga mestilah bebas daripada anasir wang politik.

"Ia mestilah bersih dengan pengaruh membeli undi paling minimal dan politik wang," kata Low.

"Budaya politik wang mesti dihapuskan tidak kira dalam pilihan parti ataupun pilihan raya umum." – 5 Mac 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/integriti-politik-wujud-bila-rakyat-percaya-keputusan-pilihan-raya-kata-pau>